**EKONOMI > BERITA****SPAD Luluskan MRT Jajaran SSP**

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah memberi kelulusan akhir kepada Skim Rel MRT Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Jajaran SSP), demikian umum Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) hari ini.

MRT Corp berkata ia menerima surat daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) memaklumkan akan kelulusan akhir itu, ditandatangani oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang antara lain mengandungi laluan dan stesen muktamad Jajaran SSP.

Kini MRT Corp akan meneruskan pembinaan Jajaran SSP yang merupakan laluan kedua dalam Projek MRT Lembah Klang, kata syarikat itu dalam satu kenyataan.

"Jajaran SSP akan menyumbang secara signifikan kepada liputan rel bandar di Lembah Klang dan akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang moden, cekap, boleh dipercayai dan selamat di koridor yang didiami oleh kira-kira dua juta penduduk," katanya.

Kerajaan juga memutuskan agar stesen bertingkat dibina berhampiran Taman Teknologi Malaysia di antara S25 di Sungai Besi dan S26 di Serdang Raya Utara.

"Dengan stesen tambahan ini, Jajaran SSP akan mempunyai 37 stesen. Daripada jumlah itu, 25 adalah stesen bertingkat, 11 bawah tanah dan satu 'separuh tenggelam' iaitu dibina bawah tanah di bawah paras sedia ada," katanya.

Jarak keseluruhan jajaran muktamad kekal pada 52.2 kilometer dengan 38.7 kilometer dalam binaan bertingkat dan 13.5 kilometer lagi bawah tanah.

Jajaran SSP dijangka mengangkut lebih 500,000 penumpang setiap hari apabila ia beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022.

-- BERNAMA

[>> Senarai Berita](#)Purchase This News 

Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).

Ketahu perkembangan dunia pemiagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIAeBiz *Mingguan*
 Versi Bahasa Inggeris

Berita Utama Terdahulu

Perdana Menteri Bentang Bajet 2016 Petang Ini
 Penyepaduan Fiskal Kerajaan Malaysia Kekal Kukuh, Kata Moody's
 Najib Tinjau Persiapan Penyediaan Bajet 2016

Berita Terkini Lain

UMNO Timbang Cadangan Guna Sistem Biometrik Untuk Tingkatkan Kawalan Liputan Perhimpunan Agung UMNO- [politik](#)
 Indeks Harga Pengguna Naik 2.6 Peratus Pada September 2015- [ekonomi](#)
 Pedrosa Catat Masa Terpentas Dalam Sesi Latihan Bebas Pertama MotoGP- [sukan](#)
 Spa Bergerak Untuk Wanita Sibuk- [rencana](#)
 Normalcy Returns To Rep Of Congo Capital After Protests- [dunia](#)


Berita Pilihan Tertinggi

440,682 Calon Berdaftar Untuk SPM 2015 Mulai 2 Nov Hingga 8 Dis
 Polis Akan Jumpa Justo Di Thailand Minggu Depan - KPN
 Yang Di-Pertuan Agong Jalani Rawatan Berkala Di IJN

BERNAMA IMAGES
 Capturing Headlines, Milestones and History

BERNAMA IMAGES Perkhidmatan Foto Bernama kini mula memperkenalkan produk dan mengusahakan perkhidmatan baru berasaskan foto seperti bahan pameran, bahan penerbitan, foto konvokesyen, kerja digital, cetakan dan grafik, serta liputan majlis korporat.

Please share your feedback



Your Link to
WORLD MARKET
 MALAYSIA EXTERNAL TRADE
 DEVELOPMENT CORPORATION

